


DIUTUS MENGAJAK BANI JAZIMAH MASUK ISLAM



Dalam satu ekspidisi Nabi telah memutuskan Khalid al-Walid untuk mengajak Bani Jazimah masuk Islam. Jumlah tentera yang dipimpin oleh Khalid itu adalah seramai 350 orang dan mereka berangkat pada 25 Ramadan tahun 8 hijrah. Bani Jazimah ini pernah membunuh bapa saudara Khalid yang bernama al-Fakih bin Mughirah dan juga membunuh bapa Abdul Rahman bin Auf.

KHALID TIDAK FAHAM JAWAPAN BANI JAZIMAH

Semasa Khalid sampai di sana, dia telah mengajak mereka masuk Islam tetapi mereka menjawab dengan perkataan yang tidak jelas iaitu Saba'na Saba'na. Khalid bin Al Walid tidak memahami jawapan



Bani Jazimah itu, kemudian Khalid bertanya lagi, "Mengapa kamu membawa senjata? Adakah kamu hendak berperang?" Kabilah Bani Jazimah menjawab, "Kami dalam permusuhan dengan orang-orang Arab Badwi di sekitar ini. Kami ingatkan kamu adalah musuh."



Khalid kemudiannya memerintahkan kabilah Bani Jazimah meletakkan senjata mereka dan terus menawan mereka. Ketika menjelang waktu Subuh, Khalid memerintahkan supaya tawanan tersebut dibunuh. Tentera dari Bani Sulaim menuruti arahan Khalid. Manakala tentera Ansar dan Muhajirin membebaskan tawanan tersebut tanpa mentaati arahan Khalid bin Al Walid. Ini kerana mereka tahu tawanan tersebut telah memeluk Islam, tetapi hal tersebut tidak difahami oleh Khalid.

HAL INI DISAMPAIKAN KEPADA RASULULLAH



Hal ini disampaikan kepada Rasulullah S.A.W, lalu dengan perasaan duka Baginda bertanya, "Adakah di kalangan kamu ada orang yang membantah tindakan Khalid itu?!". Mereka menjawab, "Ada wahai Rasulullah, Abdullah bin Umar telah membantah tindakan Khalid."

ALI BIN ABI THALIB MEMBETULKAN KEADAAN

Rasulullah S.A.W tidak setuju dengan tragedi itu. Kemudian Rasulullah pun memerintahkan Ali bin Abi Thalib untuk membetulkan keadaan. Segala kerosakan dan ganti rugi dilunaskan oleh Ali bin Abi Talib.


PENGAJARAN



Semua manusia pasti melakukan kesilapan



Penting untuk kita perbaiki kesilapan



Berusaha menjadi lebih baik

اللَّهُمَّ إِنِّي أَبْرَأُ إِلَيْكَ مِمَّا صَنَعَ خَالِدٌ

"Ya Allah, aku berlepas diri dari apa yang telah dilakukan Khalid ."

(Hadis al-Bukhari).